

EVOLUSI JIHAD DALAM AL-QURAN: SATU TINJAUAN SEJARAH

oleh
Mustaffa Abdullah

Abstract

The aim of this article is to expose the evolution of jihad in accordance to the Qur'an. This evolution has brought many advantages to Islam and its followers, who try to realise their responsibilities in true meaningful words.

Pendahuluan

Jihad merupakan satu usaha atau gerakan yang dilakukan oleh umat Islam untuk menegakkan keadilan di muka bumi dengan bersandarkan kepada asas-asas tawhid yang sebenar, serta menentang sebarang bentuk kezaliman ke arah mewujudkan sebuah masyarakat rabbani yang kental dengan nilai-nilai keimanan sejati.¹

Dalam usaha merealisasikan matlamat tersebut, al-Quran dengan jelas menggalorkan rentetan sejarah evolusi tentang jihad sehingga ianya dapat dilaksanakan dalam erti kata yang sebenar setelah mengambil kira kedudukan dan kepentingan umat Islam pada masa tersebut. Oleh yang demikian secara ringkasnya evolusi jihad dapat dilihat pada dua peringkat, iaitu: *Makkiyah* dan *Madaniyyah*.

Jihad Peringkat *Makkiyah*

Pada peringkat *Makkiyah* perlaksanaan jihad di dalam pengertian yang menyeluruh tidak dibenarkan oleh Allah menerusi beberapa dalil al-Qur'an, antaranya :

¹ Hassan al-Banna, *Majmu'ah al-Rasa'il*, (Beirut: Mu'assasah al-Risalah, 1973), hlm. 80-81; Ali al-Nadwi, *Islam And The World*, (Lacjnow: Academy of Islamic Research and Publication, 1973), hlm. 88; Majid Khadduri , *War and Peace in The Law of Islam*, (London: The Johns Hopkins Press Baltimore, 1969), Cetakan IV, hlm. 55.

فَاصْنِعْ الْصَّفْحَ الْجَيِّلَ ...
AB

"Maafkanlah mereka itu dengan kemaafan yang baik"²

ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْخَيْرَةِ ...
110

"Serulah ke jalan Tuhan kamu dengan bijaksana dan peringatan yang baik"³

Menerusi beberapa ayat yang telah dikemukakan di atas jelas menunjukkan bahawa perlaksanan jihad dengan ertikata yang sebenar tidak diharuskan pada peringkat makkiiyah, tetapi sebaliknya Rasulullah s.a.w. disarankan supaya menggunakan pendekatan yang sesuai dengan kemampuan yang ada antaranya, memberi peringatan secara bijaksana, bersabar dan tidak menghiraukan cacian orang-orang kafir dan sebagainya dalam melaksanakan perintah Allah.

Keadaan ini terus dibuktikan menerusi sebuah al-Hadith yang diriwayatkan oleh Ibn 'Abbas yang menyatakan bahawa 'Abd al-Rahman bin 'Auf dan beberapa orang sahabat datang berjumpa Nabi s.a.w. di Mekah. Mereka berkata: Wahai Rasulullah sesungguhnya kami berada dalam kemuliaan semasa kami menjadi musyrik, tetapi apabila kami beriman kehinaan telah menimpa kami. Rasulullah s.a.w. menjawab: Sesungguhnya aku diperintah supaya kamu memaafkan dan kamu tidak dibenarkan berperang⁴

Jelasnya pendekatan jihad yang dikemukakan oleh al-Qur'an dan dilaksanakan oleh Rasulullah s.a.w. pada peringkat ini adalah berorientasikan konsep dakwah secara bijaksana dengan mengembangkan kemampuan yang ada dan ianya dapat dilihat menerusi beberapa pendekatan:

Pengasuhan dan Pendidikan.

Perlaksanaan jihad oleh Rasulullah s.a.w. dengan memberi penekanan kepada objektif ini telah dilaksanakan oleh Rasulullah pada tiga tahun pertama⁵,

² Surah al-Hijr (15): 85

³ Surah al-Nahl (16):125

⁴ Al-Nasa'i, *Sunan al-Nasa'i*, (Misr: Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi, 1964), Cetakan I, Jld. VI, hlm. 3.

⁵ Ibn Hajar, *Fath al-Bari bi Syarh Sahih al-Bukhari*, Jld. I, (Misr: Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi, 1959), , him. 103; al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi*, Jld. V, (Misr: Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi, 1975), Cetakan II, hlm. 257; al-Ya'qubi, *Tarikh al-Ya'qubi*, Jld. II, (Beirut: Dar Sadir, 1960,) him. 22-25; al-Tabari, *Tarikh al-Umam wa al-Muluk*, Jld. II, (al-Kaherah: Dar al-Ma'arif, 1961 tg 1953), hlm. 318; Ibn Kathir, *Sirah al-Nabawiyyah*, Jld I, (Beirut: Dar al-Ma'arif, 1976) hlm.

dengan hanya memusatkan seruan kepada orang-orang tertentu yang rapat dengan baginda sahaja secara rahsia supaya ianya tidak menimbulkan sentimen masyarakat Arab jahiliyah secara mendadak, seperti firman Allah maksudnya: "Maka maafkanlah mereka dengan kemaafan yang baik"⁶,

Hasil pendedahan peringkat ini melahirkan beberapa insan unggul yang mempunyai keimanan yang mantap, mereka ialah Khadijah bt Khuwailid, 'Ali bin Talib, Abu Bakar al-Siddiq, Zaid bin Harithah, 'Umar bin al-Khattab dan lain-lain.

Mereka adalah antara golongan yang memainkan peranan penting dalam perjuangan jihad yang dicetuskan oleh al-Qur'an dalam usaha menyebar Islam dan menegak keadilan kepada umat sejagat.

Penyebaran dan Penghayatan.

Peringkat ini bermula setelah turunnya firman Allah:

وَأَنذِرْ عَشِيرَتَكَ الْأَقْرَبِينَ ﴿٤٢﴾ وَأَخْفُضْ جَنَاحَكَ لِمَنِ اتَّبَعَكَ مِنَ
الْمُؤْمِنِينَ ﴿٤٣﴾

"Dan berilah peringatan kepada kaum keluarga kamu yang terdekat dan rendahkanlah dirimu terhadap para pengikut kamu yang terdiri dari orang-orang mukmin"⁷"

Langkah pertama yang diambil oleh Rasulullah s.'a.w. sebagai menyahut perintah Allah adalah dengan mengadakan satu majlis jamuan di rumahnya dengan mengundang sanak saudara dan kaum keluarga. Kesempatan tersebut menyebabkan Rasulullah dapat menyampaikan mesej Ilahi kepada jemputan yang hadir termasuk Abu Talib, Hamzah, al-'Abbas dan Abu Lahab, walaupun bagaimanapun penerangan yang diberikan oleh Rasulullah s.'a.w telah menimbulkan tanggapan negatif dikalangan mereka⁸.

Langkah kedua yang dilaksanakan oleh Rasulullah s.'a.w. adalah dengan menyeru kaum keluarganya secara lantang dari atas bukit Safa, mengajak mereka

⁴²¹: al-Katbi, *'Uyun at-Tawarikh*, (al-Kaherah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah, 1980) hlm. 52-53.

⁶ Surah al-Hijr (15): 85.

⁷ Surah al-Syu'ara' (26): 214-215.

⁸ Ibn Ishaq, *Sirah Ibn Ishaq*, (Turki: al-Waqf fi al-Khidmat al-Khayriyyah, 1981), hlm. 126; Ibn al-Athir, *al-Kamil fi al-Tarikh*, Jld II, (Beirut: Dar Sadir, 1979), hlm. 62-63; Ibn Kathir, *op.cit.*, Jld. I, hlm. 457-458; al-Suyuti, *Khasa'iis al-Kubra*, (Jld I, (al-Kaherah: Dar al-Kutub al-Hadithah, 1967), hlm. 306- 307.

supaya beriman kepada kepada Allah dan menegaskan keesaanNya, namun seruannya mendapat reaksi yang mendukacitakan.

Antaranya Abu Lahab yang menjerit: Celaka kamu wahai Muhammad, apakah untuk ini kamu mengundang kami?⁹, peristiwa ini yang menyebabkan turunnya surah al-Masad¹⁰

Dari sini bermula siri penentangan orang-orang kafir Quraisy kepada para pengikut Nabi Muhammad, antaranya dengan membuat penindasan terhadap golongan hamba setelah mendapati mereka beriman dengan Nabi Muhammad s.'a.w.


Buktinya Keluarga Yasir, isteri dan puteranya 'Ammar disiksa dengan hebat oleh Abu Jahal, Bilal bin Rabah, Khabab bin Irth dan beberapa orang sahabat yang lain menderita lantaran kesiksaan di luar batas-batas kemanusiaan¹¹

Beberapa bukti yang telah dikemukakan di atas adalah dalil kezaliman yang telah dilakukan oleh orang-orang kafir terhadap pengikut Rasulullah s.'a.w. untuk membendung kebangkitan jihad secara meluas.

Oleh yang demikian ternyata perlaksanaan jihad yang dilakukan oleh Rasulullah s.'a.w. pada peringkat adalah secara teratur dan terancang dengan mengutamakan kepentingan jangka panjang iaitu dengan mengemukakan nilai-nilai yang luhur seperti ikhlas, sabar, diplomasi dan mengelak sebarang penggunaan kekuatan walaupun umat Islam berdepan dengan berbagai-bagi ancaman dari pihak musuh.

Pembinaan Fizikal dan Persediaan.

Pendekatan ini dilaksanakan oleh Rasulullah s.'a.w. setelah turunnya ayat Allah:



"Jalankanlah apa yang telah disuruh kepada kamu dengan tegas dan berpalinglah dari orang-orang musyrikin¹²"

⁹ Al-Tabari, *op.cit.*, Jld. II, hlm. 120-121; Ibn al-Athir, *Ibid.*, Jld. II, hlm. 60-61; Ibn Kathir, *Ibid.*, hlm. 455-456.

¹⁰ Surah al-Masad (111): 1-5.

¹¹ Ibn Ishaq, *op.cit.*, hlm. 172; Ibn Hisyam, *Sirah Ibn Hisyam*, Jld. I, Cetakan II, (Misr: Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi, 1955), hlm. 319-320; Ibn al-Athir, *Usd al-Ghabah fi Ma'rifah al-Sahabah*, Jld. VII, (al-Kaherah: Dar al-Sya'b, 1970), hlm. 152; Ibn Kathir, *al-Bidayah wa al-Nihayah*, Jld. III, Cetakan I, (Beirut: Maktabah al-Ma'arif, 1966), hlm. 57-58.

Menurut Ibn Kathir ayat ini diturunkan kepada Nabi Muhammad setelah orang-orang kafir Quraisy melampau batas, mereka mengejek-ngejek dan mempersenda Rasulullah s.'a.w.¹³ sebagai utusan Allah.

Pada peringkat ini Nabi melancarkan gerakan dakwahnya secara menyeluruh dan umum kepada semua manusia tanpa mengira darjat dan keturunan, dalam usaha mewujudkan satu umat yang berpegang kepada satu prinsip ketuhanan.

Al-Tabari memetik sebuah al-Hadith yang diriwayatkan oleh Ibn 'Abbas katanya: Allah memerintahkan Nabi Muhammad s.'a.w. supaya menyampaikan risalah Islam kepada kaumnya dan juga kepada seluruh umat manusia¹⁴, dalilnya: "Jalankanlah apa yang telah diperintah kepada kamu dengan tegas dan berpalinglah dari orang-rang musyrikin¹⁵"

Begitu juga dengan ulama-ulama Tafsir yang lain antaranya al-Tabarsi¹⁶, al-Razi¹⁷, Ibn Kathir¹⁸ dan sebagainya memetik al-Hadith yang diriwayatkan oleh Ibn 'Abbas yang menerangkan tentang perintah Allah kepada Nabi Muhammad s.'a.w supaya menyebar seruan Islam kepada semua manusia, seperti firman Allah,:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا كَافَةً لِلنَّاسِ بِشِيرًا وَنَذِيرًا ...

"Tidaklah Aku utuskan engkau (wahai Muhammad) melainkan untuk semua manusia dengan membawa berita gembira dan sedih¹⁹"

Dengan kata lain pada peringkat ini pergerakan jihad dapat dilaksanakan secara lebih bebas, di mana orang-orang Islam sudah mula memberanikan diri mengerjakan ibadat seperti sembahyang dan sebagainya disisi Ka'bah dan di tempat-tempat umum.

¹² Surah al-Hijr (15): 94.

¹³ Ibn Kathir, *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, Jld. II, (al-Kaherah: Maktabah al-Thurath), hlm. 559.

¹⁴ Al-Tabari (1968), *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Ayat al-Qur'an*, Misr: Muhammad Mahmud al-Halabi, Cetakan III, Jld. XIV, hlm. 67-68.

¹⁵ Surah al-Hijr (15): 94.

¹⁶ Al-Tabarsi, *Majma'al-Bayan fi Tafsir al-Qur'an*, Jld. XIV, (al-Kaherah: Syarikah al-Ma'arif al-Islamiyyah), hlm. 246.

¹⁷ Al-Razi, *Tafsir al-Kabir*, Cetakan II, Jld. XIX, (Tehran: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah), hlm. 214.

¹⁸ Ibn Kathir, *al-Bidayah wa al-Nihayah*, III, hlm. 41.

¹⁹ Surah Saba' (34): 28.

Lokasi utama yang menjadi pilihan Rasulullah s.'a.w. dalam konteks perlaksanaan jihadnya adalah tempat-tempat yang dikunjungi ramai seperti temasya tahunan yang diadakan di pasar 'Ukkaz, Majinnah dan Dhu al-Majaz. Peluang keemasan ini diambil sepenuhnya oleh Nabi Muhammad s.'a.w. untuk menyampaikan seruan Islam kepada mereka²⁰

Seterusnya polisi yang kedua adalah menjadikan musim haji sebagai medan jihad mengajak manusia supaya beriman kepada Allah dan menjauahkan diri dari melakukan syirik kepadanya²¹

Komitmen dan kesungguhan membawa hasil yang memberangsangkan, satu kumpulan terdiri dari tujuh orang Khazraj yang berkunjung ke Mekah untuk mengerjakan ibadat haji telah memeluk Islam, mereka adalah Asad bin Zurarah, Udas bin Abu 'Umamah, 'Auf bin al-Harith, Rapi' bin Malik, Qutbah bin Amir, 'Uqbah bin Amir dan Jabir bin 'Abd Allah. Dengan inisiatif mereka lahir Islam tersebar di Madinah²² dan pada tahun berikutnya dua belas orang lelaki dari Ansar telah bertandang ke Mekah menemui baginda Rasulullah s.'a.w.²³

Arus pergerakan jihad yang dilancarkan pada peringkat ini semakin menyemarakkan semangat masyarakat mengenali Islam secara lebih dekat dan sukar dibendung, tambahan pula umat Islam mendapat perlindungan dari Raja al-Najasyi menyebabkan golongan kafir Quraisy mengambil keputusan membuat satu pemulauan menyeluruh terhadap keluarga bani Hasyim dan 'Abd al-Muttalib. Pemulauan tersebut merupakan satu resolusi bertulis yang digantungkan di dinding Ka'bah memakan masa selama tiga tahun²⁴

Manakala kemuncak pakatan jahat orang-orang kafir Quraisy sebagaimana yang diriwayatkan oleh Ibn Ishaq berlaku di Dar al-Nadwah, di mana pembesar-pembesar Quraisy telah mengadakan satu komplot merancang untuk membunuh

²⁰ Ibn Ishaq, *op.cit.*, hlm. 215-219; Ibn Hisyam, *op.cit.*, Jld. I, hlm. 422-427; Ibn Kathir, *op.cit.*, Jld. III, hlm. 139; Ibn Kathir, *Sirah al-Nabawiyah*, Jld. I, hlm. 462.

²¹ Ibn Hisyam, *op.cit.*, Jld. I, hlm. 422-423; Ibn Sa'd, *Kitab Tabaqat al-Kubra*, Jld. I, (Beirut: Dar Sadir), hlm. 216-217; Ibn Kathir, *Ibid.*, Jld. I, hlm. 462.

²² Ibn Hisyam, *Ibid.*, Jld. I, hlm. 428-429; Ibn Sa'd, *Ibid.*, Jld. I, hlm. 217-218; Ibn al-Athir, *op.cit.*, Jld. II, hlm. 95-96; Ibn Kathir, *al-Bidayah*, Jld. III, hlm. 49.

²³ Ibn Kathir, *Ibid.*, Jld. III, hlm. 150.

²⁴ Ibn Ishaq, *op.cit.*, hlm. 135-144; Ibn Hisyam, *op.cit.*, Jld. I, hlm. 350; Ibn al-Athir, *op.cit.*, Jld. II, hlm. 87-88; Ibn Kathir, *Ibid.*, Jld. III, hlm. 95-96.

Nabi Muhammad s.'a.w. dengan harapan Kebangkitan Islam yang dibawa oleh baginda akan lenyap²⁵, seperti firman Allah yang:

وَإِذْ يَمْكُرُونَ الَّذِينَ كَفَرُوا لِيُنْتَهُوكُمْ أَوْ يُخْرِجُوكُمْ وَيَنْكِرُونَ
وَيَنْكِرُ اللَّهُ وَاللَّهُ خَيْرُ الْمَانِكِرِينَ ﴿٢٦﴾

"Dan ingatlah ketika orang-orang kafir membuat tipu daya untuk menangkap, membunuh, atau menghalau kamu. Mereka itu membuat penipuan dan menipu Allah sedangkan Allah sebaik-baik penipu daya²⁶"

Menurut Ibn Ishaq ayat di atas memberi keizinan kepada Nabi Muhammad s.'a.w berhijrah ke Madinah²⁷ setelah usaha jihad yang dilaksanakan oleh baginda kurang mendapat sambutan masyarakat Mekah.

Jelasnya metod jihad yang digunakan pada peringkat ini masih berteraskan kepada penampilan diplomasi dan mengemukakan hujjah al-Qur'an sebagai bukti kebenaran, malah konsep jihad pada peringkat ini masih tidak menggunakan unsur-unsur kekuatan sebagai *wasilah* utama, seperti firman Allah:

فَلَا تُطِعُ الْكَافِرِينَ وَجَهَدُهُمْ بِهِ جَهَادٌ كَبِيرٌ ﴿٢٧﴾

"Janganlah engkau ikut orang-orang kafir dan berjuanglah terhadap mereka dengan perjuangan yang besar²⁸"

Al-Tabari²⁹, al-Baidawi³⁰ dan al-Suyuti³¹ sepakat menegaskan bahawa ayat tersebut merupakan saranan yang jelas dari Allah kepada Nabi Muhammad s.'a.w supaya memaparkan hujjah al-Qur'an untuk membuktikan kebenaran ajaran yang di bawa olehnya.

²⁵ Ibn Hisyam, *Ibid.*, Jld. I, hlm: 480; al-Tabari, *op.cit.*, Jld. II, hlm. 368-376; al-Ya'qubi, *op.cit.*, Jld. II, hlm. 39-40; Ibn al-Athir, *Ibid.*, Jld. II, hlm. 101-102; Ibn Kathir, *Ibid.*, Jld. III, hlm. 175-176.

²⁶ Surah al-Anfal (8): 30.

²⁷ Ibn Hisyam, *op.cit.*, Jld. I, hlm. 48.

²⁸ Surah al-Furqan (25): 52.

²⁹ Al-Tabari, *op.cit.*, Jld. X, hlm. 22-23.

³⁰ Al-Baidawi, *Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Ta'wil*, Cetakan II, Jld. II, (Misr: Maktabah Mustafa al-Babi al-Halabi, 1969), hlm. 148.

³¹ Al-Suyuti, *al-Dur al-Manthur fi al-Tafsir bi al-Ma'thur*, Jld. IV, (Beirut: Dar al-Ma'arif), hlm. 62-63.

Inilah di antara bentuk jihad yang dilaksanakan oleh Nabi Muhammad s.'a.w. pada peringkat permulaan sebelum berhijrah ke Madinah yang memerlukan kepada ciri-ciri keimanan dan kesabaran yang tinggi, dan beberapa fakta yang telah dikemukakan di atas jelas menunjukkan bahawa perlaksanaan jihad pada peringkat *Makkiyah* tidak beroreantasikan peperangan dan tidak sama sekali menggunakan unsur-unsur kekuatan. Ini adalah disebabkan faktor dalaman yang tidak mengizinkan umat Islam berbuat demikian.

Jihad Peringkat *Madaniyyah*.

Perkembangan jihad pada peringkat ini dapat dilihat menerusi ayat-ayat berikut:

فَالَّذِينَ هَا جَرُوا وَأَخْرِجُوا مِن دِيْنِهِمْ وَأُوذُوا فِي سَبِيلِهِ وَقُتْلُوا
وَقُتْلُوا لَا كَفَرُوا أَعْنَهُمْ سَيِّئَاتُهُمْ وَلَا دُخْلَنَهُمْ جَنَّتٍ بَخْرِي مِنْ
نَّحْنُ هُنَّ الظَّاهِرُونَ بِآمِنٍ عِنْدَ اللَّهِ وَاللَّهُ عِنْدَهُ حُسْنُ الشَّوَّابِ (١٩)

"Maka orang-orang yang berhijrah dan diusir dari negerinya serta dihalang dari jalanku (Agamaku) dan mereka berperang kemudian terbumuh, sesungguhnya aku akan hapuskan segala kesalahannya dan memasukkan mereka ke dalam syurga yang mengalir air di bawahnya, sebagai pahla dari Allah dan di sisi Allah mereka memperolehi ganjaran pahla yang baik"³²

firman Allah, maksudnya:

أُذْنَ لِلَّذِينَ يَقْتَلُونَ بِأَنَّهُمْ ظَلَمُوا إِنَّ اللَّهَ عَلَى نَصْرِهِ مِنْ لَقِيدٍ (٢٣)

"Diiarkan kepada orang-orang Islam berperang kerana mereka dizalimi, sedangkan Allah maha berkuasa menolong mereka"³³

Ayat-ayat di atas secara jelas menunjukkan dua kedudukan sebenar umat Islam semasa berada di Mekah dan Madinah dan beberapa kelemahan yang dimiliki samada dari sudut politik dan ekonomi semasa di Mekah menyebabkan mereka terpaksa menerima berbagai tekanan dan kezaliman dari orang-orang kafir. Keadaan ini menyebabkan umat Islam terpaksa mencari satu alternatif dengan berhijrah ke Madinah sebagai jalan penyelesaian.


³² Surah Ali 'Imran (3): 195.

³³ Surah al-Haj (22): 39-40.

Ternyata penghijrahan tersebut telah mengubah secara drastik kedudukan umat Islam samada dari sudut politik maupun ekonomi, malah gerakan jihad dapat dilaksanakan secara lebih tegas dan teratur. Walau bagaimanapun proses gerakan ini terpaksa melewati beberapa peringkat iaitu:

Kebenaran Berperang.

Hijrah adalah titik permulaan yang telah memberikan sedikit ruang kepada Rasulullah s.'a.w. dan pengikutnya dalam merealisasikan perintah jihad menerusi firman Allah:

 أُذِنَ لِلَّذِينَ يُقْتَلُونَ كَيْفَ مَا أَنْهَمْتُمْ عَلَىٰ اللَّهِ عَلَىٰ نَصْرِهِ مَنْ لَقَدِيرٌ

"Dizinkan kepada orang-orang yang beriman berperang kerana mereka dizalimi, sedangkan Allah maha berkuasa menolong mereka³⁴"

Ayat ini ditujukan kepada umat Islam ekoran tindakan permusuhan orang-orang musyrikin Mekah terhadap masyarakat Islam dengan berbagai penyeksaan dan penindasan kepada pengikut-pengikut Nabi Muhammad, lantaran itu mereka mengadu kepada Rasulullah s.'a.w. untuk bertindak balas, tetapi sebaliknya Nabi menegaskan: Bersabarlah sesungguhnya aku belum diperintah berperang sehingga Nabi berhijrah ke Madinah, lalu ayat di atas diturunkan³⁵,

Fenomena ini mendorong kebanyakan ulama *salaf* seperti Ibn 'Abbas, Mujahid, 'Urwah bin Al Zubayir, Zaid bin Aslam, Muqatil bin Hayyan, Qatadah dan lain-lain lagi sepakat mengatakan bahawa ayat tersebut merupakan ayat yang pertama diturunkan tentang jihad³⁶

Kebenaran ini turut ditegaskan oleh para ulama Tafsir seperti al-Zamakhshari³⁷, al-Tabarsi³⁸, al-Razi³⁹ al-Qurtubi⁴⁰ al-Baydawi⁴¹, al-Tabataba'i⁴²

³⁴ Surah al-Haj (22): 39-40.

³⁵ Al-Naisaburi, *Asbab al-Nuzul*, (al-Kaherah: Mu'assasah al-Halabi, 1968) hlm. 208: al-Hakim, *al-Mustadrak 'ala al-Sahihayn fi al-Hadith*, Jld. II, (al-Riyad: Matabi' al-Nasr al-Hadithah), hlm. 66: Ibn Hanbal, *al-Musnad Ibn Hanbal*, Cetakan IV, Jld. I, (Misr: Dar al-Ma'arif, 1955), hlm. 216: Ibn al-Qayyim, *Zad al-Ma'ad fi Huda Khair al-'Ibad*, Cetakan XXV, Jld. III,(Beirut: Mu'assasah al-Risalah, 1991), hlm. 71.

³⁶ Al-Tabari, *op.cit.*, Jld. XVII, hlm. 171-173. Lihat juga al-Qurtubi (1967), *al-Jami' li Akkam al-Qur'an*, Jld. XVII , (al-Kaherah: Dar al-Katib al-'Arabi), hlm. 172-173.

³⁷ Al-Zamakhshari, *al-Kasyaf 'an Haqa'iq Ghawamid al-Tanzil wa 'Uyun al-Aqawil fi Wujuh al-Ta'wil*, Cetakan I, Jld. III, (Misr: Maktabah Mustafa Muhammad, (1354), hlm. 15.

³⁸ Al-Tabarsi, *op.cit.*, Jld. VII, hlm. 87.

Ibn Kathir⁴³ dan lain-lain dengan menegaskan bahawa ayat 39-40 dari surah al-Haj adalah ayat yang pertama diturunkan mengenai jihad dalam pengertiannya yang jelas.

Walau bagaimanapun Ibn ‘Abbas berpendapat bahawa ayat tersebut diturunkan kepada Nabi dan pengikut-pengikutnya ketika mereka diusir dari kota Mekah. Tetapi pendapat tersebut di sangkal oleh Ibn al-Qayyim dengan mengemukakan beberapa alasan, iaitu:

- i. Allah tidak mengizinkan kepada orang-orang Islam berperang semasa mereka berada di Mekah disebabkan tidak mempunyai apa-apa kekuatan dan persediaan untuk berbuat demikian.
- ii. Maksud yang tersirat disebalik susunan ayat tersebut menunjukkan keizinan berperang itu berlaku selepas hijrah iaitu selepas orang-orang Islam diusir dari kota Mekah.
- iii. Di dalam ayat tersebut Allah mengarahkan kepada orang-orang Islam supaya berjihad dengan menggunakan kekuatan dan keadaan tersebut hanya berlaku setelah Nabi berhijrah ke Madinah. Oleh yang demikian adalah wajar perintah jihad yang menggesa penggunaan unsur-unsur kekuatan berlaku selepas hijrah Nabi ke Madinah⁴⁴

Sehubungan dengan itu Ibn Kathir berkata: Peperangan adalah sebagai medan untuk menguji kekuatan iman orang-orang Islam mematuhi perintah Allah, walaupun pada hakikatnya Allah berkuasa menolong mereka dan memuliakan agamanya tanpa melalui peperangan⁴⁵

Walau bagaimanapun kebenaran berperang dalam konteks ini bukannya merupakan satu kewajipan kepada umat Islam bahkan mereka diberi kelonggaran memilih dua pendekatan yang sesuai samada menggunakan kekuatan untuk mempertahankan diri atau meneruskan dasar-dasar sebelumnya dalam melaksanakan kewajipan jihad seperti yang dikehendaki oleh al-Qur'an.

⁴³ Al-Razi, *op.cit.*, Jld. XXIII, hlm. 39.

⁴⁴ Al-Qurtubi, *op.cit.*, Jld. II, hlm. 68-69.

⁴⁵ Al-Baydawi, *op.cit.*, Jld. II, hlm. 93.

⁴⁶ Al-Tabataba'i *al-Mizan fi Tafsir al-Qur'an*, Jld. XIV, (Tehran: Dar al-Kitab al-Islamiyyah, 1342), hlm. 382-383.

⁴⁷ Ibn Kathir, *op.cit.*, Jld. II, hlm. 225.

⁴⁸ Ibn al-Qayyim, *op.cit.*, Jld. III, hlm. 70-71.

⁴⁹ Ibn Kathir, *op.cit.*, Jld. III, hlm. 225.

Kebenaran Jihad Bersyarat.

Kebenaran bersyarat ini dapat dilihat menerusi firman Allah:



وَقَاتَلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ الَّذِينَ يُقْتَلُونَ كُنْ لَا تَعْتَدُوا ...

"Hendaklah kamu berperang di jalan Allah terhadap orang-orang yang memerangi kamu dan janganlah kamu melampau batas"⁴⁶"

فَإِنْ أَعْزَلُوكُمْ فَلَمْ يُقْتَلُوكُمْ وَالْقَوْا إِنْكُمُ الْسَّلَامُ فَاجْعَلْ اللَّهُ لَكُمْ ...



عَلَيْهِمْ سَبِيلًا

"Jika mereka membiarkan dan tidak memerangi kamu dan telah menyerahkan perdamaian kepadamu maka Allah tidak membenarkan kamu memerangi mereka"⁴⁷"

Beberapa ayat yang telah dikemukakan di atas menggambarkan bahawa kewajipan jihad perlu dilaksanakan dengan cermat dan berhat-hati, malah ia juga menggambarkan objektif sebenar disebalik perintah jihad⁴⁸

Umat Islam dibenar bertindak balas melawan tindak tanduk orang-orang kafir setelah hampir sepuluh tahun mereka bersabar menanggung azab penyijsaan, walaupun begitu pada peringkat ini orang-orang Islam hanya diberi kelonggaran berbuat demikian semata-mata untuk mempertahankan diri dan mereka tidak dibenarkan sama sekali memulakan permusuhan tersebut, kerana ianya bertentangan dengan konsep jihad.⁴⁹

Lantaran itulah kita dapat setelah berlakunya perjanjian al-'Aqabah, Nabi Muhammad s.a.w. tidak merestui permintaan orang-orang Yathrib (Madinah) yang lebih dari tujuh puluh orang memerangi penduduk Mina, sebaliknya Nabi menegaskan; "Sesungguhnya aku tidak diperintah untuk berbuat demikian"⁵⁰"

Oleh yang demikian ayat-ayat yang diturunkan pada peringkat ini hanya membenarkan kewajipan jihad dilaksanakan oleh umat Islam dalam keadaan yang

⁴⁶ Surah al-Baqarah (2): 190.

⁴⁷ Surah al-Nisa' (3): 90.

⁴⁸ Ibn Kathir, *op.cit.*, Jld. III, hlm. 225.

⁴⁹ Al-Zarqani *Manahil al-'Irfan fi 'Ulum al-Qur'an*, Jld. I, (Misr: Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi, 1980), hlm. 101-102.

⁵⁰ Ibn Ishaq, *op.cit.*, hlm. 221-223; Ibn al-Athir, *op.cit.*, Jld. II, hlm. 100; Ibn Kathir, *op.cit.*, Jld. III, hlm. 164.

terkawal, malah jihad yang direncanakan benar-benar menunjukkan tentang betapa pentingnya kewajipan ini sebagai ciri keselamatan kepada umat Islam.

Berperang Dalam Bulan-Bulan Suci

Berhubung dengan persoalan berperang pada bulan suci, al-Qur'an telah menegaskan, antaranya:

الْشَّهْرُ الْحَرَامُ بِالشَّهْرِ الْحَرَامِ وَالْحُرُمَاتُ قِصَاصٌ فَمَنْ أَعْتَدَ لَكُمْ فَأَعْتَدُ لَهُ
عَلَيْهِ بِمِثْلِ مَا أَعْتَدَ لَكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ ...

“Bulan suci (dibalas) dengan bulan suci dan kehormatannya itu berbalasan juga, dan sesiapa yang melakukan penganiayaan kepadamu, maka bolehlah kamu melakukan aniaya kepada mereka dan takutlah kepada Allah”⁵¹”

dan dalam ayat yang lain Allah berfirman:

يَسْتَأْنُوكُمْ عَنِ الْشَّهْرِ الْحَرَامِ قَاتِلُ فِيَهُ كَيْرٌ وَصَدُّ عَنْ سَبِيلِ
اللَّهِ وَكُفَّارٌ بِهِ وَالْمَسْجِدُ الْحَرَامُ قَوْلًا خَارِجٌ أَهْلُهُ، مِنْهُ أَكْبَرُ عِنْدَ اللَّهِ



...

“Mereka itu bertanya engkau tentang bulan-bulan suci. Bagaimanakah halnya berperang pada bulan suci itu ?. Katakanlah; Berperang pada bulan itu adalah dosa besar, tetapi menghalangi jalan Allah, kafir kepadanya (melarang) masuk Masjid al-Haram dan mengusir penduduknya itu dari Masjid itu lebih besar dosanya dari pembunuhan...”⁵²”

Menurut para ulama yang dimaksudkan dengan bulan suci ialah Syawwal, Dhu al-Qa'dah, Dhu al-Hijjah dan Muharram⁵³ bulan-bulan ini Allah mengharamkan perperangan ke atas semua pihak⁵⁴

⁵¹ Surah al-Baqarah (2): 194.

⁵² Surah al-Baqarah (2): 217.

⁵³ Al-Zamakhsyari, *op.cit.*, Jld. II, hlm. 138.

⁵⁴ Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar al-Jami'ah li Durari Akhbar al-A'immah al-Athar*, Cetakan II, Jld. XCIX, (Beirut: Mu'assasah al-Wafa', 1983), hlm. 53.

Menurut al-Tabari pengharaman berperang pada bulan suci adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada orang-orang kafir menentukan nasib masa depan mereka, samada memilih Islam sebagai Agama anutan atau berperang, dan ia juga dapat memberi ruang kepada mereka membuat persediaan berperang sekiranya mereka memilih perperangan sebagai jalan penyelesaian. Ini adalah kemuncak toleransi dan bertimbang rasa Islam terhadap penganut agama-agama lain. Oleh yang demikian adalah tidak wajar menuduh Islam menceroboh hak asasi orang lain secara zalim dan tidak berperikemanusiaan.⁵⁵

Walau bagaimanapun larangan tersebut bukannya berbentuk muktamad, malah umat Islam diberi kebenaran mempertahankan diri atau menyerang balas sekiranya mereka diperangi oleh orang-orang kafir pada bulan tersebut, seperti firmanya:

وَلَا تُقْتِلُوهُمْ عِنْدَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ حَتَّىٰ يُقْتِلُوكُمْ فَإِنْ قُتِلُوكُمْ فَاقْتُلُهُمْ⁵⁶

كَذَلِكَ جَزَاءُ الْكُفَّارِ

"Janganlah kamu memerangi mereka di sisi Masjidil al-Haram sehingga mereka memerangi kamu. Sekiranya mereka itu memerangi kamu maka perangilah mereka, begitulah balasan orang-orang kafir".⁵⁶

Berdasarkan kepada alasan di atas Rasulullah s.'a.w. memberi kemaafan kepada *sariyyah* 'Abd Allah bin Jahsyin dan gerombolannya secara tidak sengaja menceroboh bulan suci, kerana menurut al-Qur'an kesalahan yang dilakukan oleh orang-orang kafir Quraisy seperti mengingkari Allah, menghalang umat Islam dari jalannya, mengusir umat Islam dan melarang mereka memasuki Masjid al-Haram adalah lebih besar dosanya dari perbuatan tersebut.⁵⁷

Perkara yang sama telah ditegaskan oleh Rasulullah s.'a.w. menerusi sebuah al-Hadith yang diriwayatkan oleh 'Ala' bin Fudail yang bertanya Rasulullah s.'a.w. tentang berperang pada bulan suci, kata: Berperanglah jika orang-orang musyrikin memulakkannya dan umat Islam mampu menewaskannya.⁵⁸

⁵⁵ Al-Tabari, *op.cit.*, Jld. X, hlm. 66. Lihat juga Wahbah al-Zuhaili *Tafsir al-Munir fi al-'Aqidah wa al-Syari'ah wa al-Minhaj*, Cetakan I, Jld. X, (Beirut: Dar al-Fikr al-Ma'asir, (1991), hlm. 101.

⁵⁶ Surah al-Baqarah (2): 191-192

⁵⁷ Al-Zamakhshari, *op.cit.* Jld. I, hlm. 356-357

⁵⁸ Al-Majlisi, *op.cit.* Jld. XCVII, hlm 53

Berdasarkan kepada alasan di atas umat Islam diberi kelonggaran berperang walaupun pada bulan-bulan suci, kerana menurut al-Qur'an⁵⁹ tindakan menghalang Agama Allah dan melakukan kekufuran adalah kesalahan yang lebih besar berbanding dengan kesalahan tersebut.

Walau bagaimanapun gerakan jihad perlu dilaksanakan oleh umat Islam setelah selesainya tempoh bulan-bulan suci yang ditetapkan selama empat bulan, dalilnya:

فَإِذَا أَنْسَلْخَ الْأَشْهُرُ الْمُحْرَمَ فَاقْتُلُوا الْمُسْرِكِينَ حَيْثُ وَجَدُوكُمْ وَخُذُوهُمْ
وَأَخْصُرُوهُمْ وَاقْعُدُوهُمْ كُلَّ مَرْضَى ...

"Apabila telah habis bulan suci, maka hendaklah kamu perangilah orang-orang musyrikin di mana sahaja kamu menjumpai mereka dan hendaklah mengambil mereka sebagai tawanan dan kepungan mereka dan intiplah mereka pada setiap jalan yang dilaluinya."⁶⁰

Setelah selesainya tempoh tersebut 'Ali bin Abi Talib dengan perintah Rasulullah s.a.w. telah mengisyiharkan kepada umat Islam di Kota Mekah empat perkara utama:

- i. Hanya orang-orang yang beriman dibenarkan memasuki Ka'bah.
- ii. Tidak ada orang-orang yang mengerjakan umrah dalam keadaan telanjang, seperti yang dijelaskan oleh al-Qur'an:

٢١ يَبْنِيْ إِدَمْ خُدُوا زِينَتُكُمْ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ ...

"Wahai anak Adam pakailah perhiasanmu ketika tiap-tiap sembahyang"⁶¹"

- iii. Selepas tahun ini orang-orang Islam dan kafir tidak akan berhimpun di dalam Masjid al-Haram.

⁵⁹ Surah al-Baqarah (2): 191-192, 193, 217; al-Ma'idah (5): 3, 97

⁶⁰ Surah al-Tawbah (9): 5

⁶¹ Surah al-A'raf (7): 31.

يَنْهَا الَّذِينَ أَمْنُوا إِنَّ الظَّرِكُونَ بِخَسْ فَلَا يَقْرَبُوا الْمَسْجِدَ
الْحَرَامَ بَعْدَ عَامِهِمْ هَذَا ... 

"Wahai orang-orang yang beriman sesungguhnya orang-orang musyrikin adalah najis, maka janganlah mereka menceroboh Masjid al-Haram selepas tahun ini"⁶²"

- iv. Sesiapa yang mengikat perjanjian dengan Rasulullah s.'a.w, maka ianya akan berakhir dengan tamat tempoh perjanjian tersebut, dan sesiapa yang tidak mengikat perjanjian maka mereka diberi tempohnya selama empat bulan⁶³,

Garis panduan yang telah dikemukakan di atas menggambarkan bahawa betapa pentingnya umat Islam bersifat tegas dengan orang-orang kafir khususnya dalam melaksanakan kewajipan jihad.

Oleh yang demikian pengharaman perang di beberapa bulan suci telah memberikan imej positif dan gambaran yang jelas khususnya kepada musuh-musuh Islam tentang kedudukan sebenar konsep jihad dalam al-Qur'an yang dilaksanakan secara terancang oleh Rasulullah s.'a. w, malah pengharaman ini walaupun bukan secara mutlak adalah lambang ketoleransian al-Qur'an dalam merealisasikan sesuatu konsep untuk kepentingan sejagat.

Kebenaran Jihad Secara Terbuka.

Langkah yang terakhir adalah dengan memerangi seluruh orang-orang kafir, dalilnya:

... وَقَاتِلُوا الظَّرِكُونَ كَمَا يُقَاتِلُونَكُمْ كَافَةً
وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ 

"Hendaklah kamu memerangi orang-orang musyrikin semuanya seperti mereka memerangi kamu semuanya. Ketahuilah, bahawa Allah bersama orang-orang yang bertakwa"⁶⁴

firman Allah:

⁶² Surah al-Tawbah (9): 28.

⁶³ Al-Zamakhsyari, *op.cit.*, Jld. II, hlm 138. Lihat juga al-Tabarsi, *op.cit.*, Jld. IV, hlm. 7.

⁶⁴ Surah al-Tawbah (9): 36.

قَدْ نَلَوُ الظَّرِيفَ لَا يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَا يَأْتُونَ أَخِيرًا وَلَا يَحْرِمُونَ مَا حَرَمَ
اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَلَا يَدِينُونَ دِينَ الْحَقِّ مِنَ الظَّرِيفِ أُوتُوا الْكِتَابَ حَقًّا
يَعْطُو الْجِزِيَّةَ عَنْ يَدِهِمْ كَفِرُوهُنَّ ⑯

"Perangilah orang-orang yang tidak beriman kepada Allah dan hari akhirat, mereka tidak mengharamkan apa yang telah diharamkan Allah dan Rasulnya dan tidak pula beragama dengan agama yang benar (iaitu) di antara ahli kitab, kecuali jika membawar al-jizyah (ufit) dengan tangannya sendiri, sedangkan mereka orang yang hina"⁶⁵"

Berpandukan sejarah perjalanan Rasulullah s.'a.w. didapati perlaksanaan konsep jihad secara menyeluruh dilaksanakan selepas turunnya surah al-Taubah pada tahun ke sembilan hijrah⁶⁶, di mana sebelumnya Rasulullah s.'a.w. tidak memerangi orang-orang kafir melainkan setelah kedudukan umat Islam terancam⁶⁷

Menurut al-Tabari⁶⁸, al-Zamakhsyari⁶⁹ dan para ulama yang lain lagi, di mana perlaksanaan jihad pada peringkat ini diberi kelonggaran yang luas tanpa terikat dengan tempoh masa dan tempat, seperti firman Allah:

وَاقْتُلُوهُمْ حِيثُ شَفِئْتُمُوهُمْ وَأَخْرِجُوهُمْ مِنْ حَيْثُ أَخْرَجْتُكُمْ وَالْفِتْنَةُ أَشَدُّ مِنَ الْقَتْلِ

۱۱۱ ...

"Bunuhlah mereka di mana sahaja mereka berada dan usirlah mereka sebagaimana mereka mengusir kamu dari negeri kamu dan sesungguhnya fitnah itu lebih besar dosanya dari membunuh"⁷⁰"

Sementara itu al-Razi dengan berdasarkan surah 9: 36, berpendapat saranan al-Qur'an supaya umat Islam bersatu memerangi orang-orang kafir secara

⁶⁵ Surah al-Tawbah (9): 29.

⁶⁶ Menurut Ibn Hajar umat Islam dibenarkan berperang secara bebas adalah pada tahun kelapan hijrah selepas berlakunya peristiwa pembukaan Kota Mekah. Lihat Ibn Hajar, *Tuhfat al-Muhtaj bi Syarh al-Minhaj*, Jld. IX, (Beirut: Dar Sadir), hlm. 212.

⁶⁷ Al-Tabataba'i, *op.cit.*, Jld. IX, hlm. 165-166.

⁶⁸ Al-Tabari, *op.cit.*, Jld. X, hlm. 109.

⁶⁹ Al-Zamakhsyari, *op.cit.*, Jld. II, hlm. 342.

⁷⁰ Surah al-Baqarah (2): 191.

menyeluruh adalah untuk mempastikan kedamaian dan kebebasan umat manusia berjalan lancar seterusnya menolak dakwaan golongan oreantalis seperti E.Tyan⁷¹, D.B Macdonald⁷² dan lain-lain lagi yang mengatakan jihad adalah untuk menyebarkan Islam menerusi mata pedang⁷³

Walau bagaimanapun seruan jihad tersebut tidak bertentangan dengan dasar defensif yang dikemukakan oleh al-Qur'an⁷⁴, kerana peperangan yang berlaku adalah satu tindak balas untuk menjaga kehormatan Islam dan penganut-penganutnya dari sebarang anasir subversif dan ancaman orang-orang kafir yang boleh menggugat kedudukan Islam.

Malah sifat permusuhan orang-orang kafir menjadi faktor utama berlakunya konflik tersebut, contohnya peperangan Ahzab yang berlaku pada bulan Syawal tahun kelima hijrah di mana orang-orang kafir Mekah dan Madinah serta golongan Yahudi seperti dari bani al-Nadir, Ghafsan, Murrah dan sebaginya bersatu tenaga memerangi Nabi Muhammad dan para pengikutnya⁷⁵

Ternyata objektif utama tentera-tentera bersekutu adalah untuk menghancurkan Islam di bawah pimpinan Nabi Muhammad s.'a.w. dan mereka telah menegaskannya semasa kunjungan orang-orang Yahudi ke Mekah untuk memujuk orang-orang Quraisy mengambil bahagian dalam peperangan tersebut, tegasnya: Kami akan bersama kamu menentang Nabi Muhammad sehingga kami dapat melenyapkannya⁷⁶

Oleh yang demikian ternyata kedudukan umat Islam dalam peperangan tersebut adalah bersifat mempertahankan diri, justeru itu apakah menjadi satu kesalahan atau kezaliman apabila umat Islam mengambil daya inisiatif seperti yang telah dilakukan oleh orang-orang kafir sebelumnya setelah umat Islam memiliki kedudukan dan kemampuan ?. Firman Allah:

⁷¹ E.Tyan, dalam *Encyclopaedia of Islam*, (Leiden: 1934), hlm. 538-540.

⁷² D.B Macdonald, "Djihad" dalam *Encyclopaedia of Islam*, (Leiden: 1986), hlm. 1041- 1042.

⁷³ Al-Razi, *op.cit.*, XVI, hlm. 54.

⁷⁴ Surah al-Baqarah (2): 190, 191, 193, 217; Ali 'Imran (3): 167; al-Anfal (8): 39; al-Tawbah (9): 12, 29, 36, 123, al-Haj (22): 39.

⁷⁵ Al-Tabari, *op.cit.*, Jld. II, hlm. 564-566; al-Ya'qubi, *op.cit.*, Jld. II, hlm. 50-51; Ibn Sa'd, *op.cit.*, Jld. II, 65-77; Ibn al-Athir, *op.cit.*, Jld. II, 178-184.

⁷⁶ Al-Tabari, *op.cit.*, Jld. II, hlm. 564-565; Ibn Kathir, *al-Bidayah*, Jld. IV, hlm. 94-95.

وَأَعِذُّوا إِلَهُمْ مَا أَسْتَطْعَتُمْ مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ الْخَيْلِ تَرْهِبُونَ يَهُءَ
عَدُوَّ اللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ وَمَا لَاحَرِينَ مِنْ دُونِهِمْ لَا نَعْلَمُ نَهْمَمُ اللَّهُ يَعْلَمُهُمْ...
V

"Hendaklah kamu bersedia memerangi mereka (orang-orang kafir) sekadar tenagamu dan kekuatan berkuda, dengan demikian kamu dapat menakut-nakutkan musuh Allah dan musuh-musuh kamu dan orang-orang yang lain selain dari mereka yang kamu tidak ketahui, sedangkan Allah mengetahui tentang mereka"⁷⁷"

Kekuatan politik dan ekonomi yang dimiliki oleh umat Islam setelah berhijrah ke Madinah mempengaruhi bentuk-bentuk perlaksanaan jihad. Ini dapat dibuktikan menerusi beberapa tindakan yang dibuat oleh Rasulullah s.a.w. berhubung dengan perkara tersebut, antaranya:

Perutusan surat kepada ketua-ketua negara asing mengajak mereka mengenal Islam⁷⁸, perutusan tersebut juga diantar kepada ketua-ketua *qabilah* di Semenanjung Tanah Arab, surat kepada ketua negara Iran⁷⁹, Empayar Rum Timur⁸⁰, Raja Najasyi Habsyah⁸¹, dan sebagainya⁸²

Malah kesemua *sariyyah*⁸³ (peperangan kecil) dan peperangan yang berlaku di antara umat Islam dengan orang-orang kafir adalah berlaku selepas hijrah

⁷⁷ Surah al-Anfal (8): 60.

⁷⁸ Ibn Hajar, *Fath al-Bari*, Jld. I, hlm. 164; al-Tabari, *op.cit.*, Jld. II, hlm. 645; Ibn al-Athir, *op.cit.*, Jld. II, hlm. 81; Hamidullah, *al-Watha'iq al-Siyasiyyah li al-'Ahd al-Nabawi wa al-Khilafah al-Rasyidah*, Cetakan II, (al-Kaherah: Maktabah al-Lajnah al-Ta'lif wa al-Tarjumah wa al-Nasir, 1956), hlm. 50.

⁷⁹ Al-Qalqasyandi, *Subh al-A'sya*, Jld. VI, (al-Kaherah: Matba'ah al-Amiriyyah, 1915), hlm. 377-378; al-Tabari, *Ibid.*, Jld. II, hlm. 3, 90; Ibn al-Athir, *Ibid.*, Jld. II, hlm. 8.

⁸⁰ Ibn Hajar, *op.cit.*, Jld. IX, hlm. 190-191; Muslim, *Sahih al-Muslim*, Jld. III, hlm. 1397-1398; al-Tabari, *Ibid.*, Jld. III, hlm. 87; Ibn al-Athir, *Ibid.*, Jld. II, hlm. 81; al-Qalqasyandi, *Ibid.*, Jld. VI, hlm. 376-377.

⁸¹ Al-Qalqasyandi, *Ibid.*, VI, hlm. 379; al-Tabari, *Ibid.*, II, hlm. 652-653, Ibn al-Athir, *Usd al-Ghabah*, I, hlm. 62.

⁸² Hamidullah, *op.cit.*, hlm. 61-65.

⁸³ Menurut Ibn Sa'd bilangan peperangan yang dilancarkan oleh Rasulullah s.a.w. adalah sebanyak 27 kali, walau bagaimanapun baginda mengambil bahagian hanya dalam sembilan kali dari peperangan tersebut. Lihat Ibn Sa'd, *op.cit.*, Jld. II, hlm. 5-6.

Rasulullah s.'a.w. ke Madinah samada dihadiri oleh Rasulullah s.'a.w. sendiri atau diwakili oleh panglima tentera yang telah dilantik oleh baginda⁸⁴

Contohnya perperangan Badar, Uhud, Muraysi', Khandaq, Kuraizah, Khaibar, Fath Makkah, Hunain dan Ta'if yang dihadiri oleh Rasulullah⁸⁵ dan beberapa perperangan lain yang tidak diikuti oleh baginda adalah berlaku selepas hijrah. Oleh yang demikian fenomena ini menggambarkan bahawa jihad telah mengalami perubahan yang besar selaras dengan tuntutan Islam itu sendiri, dan bertepatan dengan sabda Rasulullah s.'a.w yang menyifatkannya sebagai kemuncak binaan Islam⁸⁶, malah jihad merupakan suatu *energy* yang mampu memperbaharui kecergasan umat Islam mengabdiakan diri kepada Allah.

Kesimpulan.

Secara umumnya konsep perlaksanaan dan evolusi jihad jihad di dalam al-Qur'an telah diaturkan oleh Allah secara tersusun menurut suasana, kemampuan dan kepentingan Islam dalam rangka memberi kebaikan dan rahmat secara menyeluruh kepada umat Islam mengenal erti kebenaran dalam erti kata yang sebenar. Seterusnya konsep jihad yang dikemukakan oleh al-Qur'an mencerminkan suatu kebenaran yang cuba diimplementasikan secara sempurna menerusi dua pendekatan setelah mengambil kira kedudukan, kemampuan dan suasana yang dimiliki oleh umat Islam.

⁸⁴ Keterangan lanjut lihat Ibn Hisyam, *op.cit*, Jld. I, hlm. 595; al-Ya'qubi, *op.cit*, Jld. II, hlm. 69-70; Ibn Sa'd, *Ibid.*, hlm. 16; al-Waqidi, *al-Maghadhi*, Jld. I, (Beirut: 'Alam al-Kutub, 1966), hlm. 9-10; Ibn al-Athir, *op.cit*, hlm. 111; Ibn Kathir, *al-Bidayah*, Jld. III, hlm. 234.

⁸⁵ Ibn Sa'd, *Ibid.*, Jld. II, hlm. 5-6.

⁸⁶ Al-Suyuti, *op.cit*, Jld. I, hlm. 241.

